



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 1 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	LIMA MENTERI KABINET JALANI KUARANTIN, MUKA DEPAN, SH -1 MENTERI DIKUARANTIN, MESYUARAT BATAL, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -2 MESYUARAT KABINET TANGGUH TIMBUL TANDA TANYA, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -2 KKM NAFI LAYAN ISTIMEWA TERHADAP MENTERI, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7.	MAQIS SEIZED 28,000KG OF INDIAN BUFFALO MEAT, NEWS IN BRIEF, NST -14 IKAT, TARIK 21 LEMBU SEBERANG SUNGAI, LOKAL, HM -4 SELUDUP LEMBU GUNA PERAHU, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	200KG HASIL IKAN BERNILAI RM1 JUTA DIRAMPAS, NEGERI P.PINANG/KEDAH/PERLIS/PERAK, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9. 10. 11. 12. 13.	MPSJ DISTRIBUTES PLANTING KITS TO ENCOURAGE URBAN FARMING, EVENTS, THE STAR -5 PETANI RUGI SERANGAN 'RAMA-RAMA IMPOT', KELANTAN, HAKAKAH -N12 DANA RM3 JUTA BANTU USAHAWAN TANI, KOMENTAR, HAKAKAH -N15 HARAMKAN GLYPHOSATE DALAM RACUN RUMPAI, LOKAL, HM -6 CAP GESA HARAM 'GLYPHOSATE', NASIONAL, BH -20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2020	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

FOTO: BERHAMA

LIMA MENTERI KABINET JALANI KUARANTIN



Proses saringan Covid-19 di KLIA Sopang berjalan lancar dan teratur. Tinjauan semalam mendapati penumpang yang tiba dari Sabah mengambil masa saringan kurang tiga jam berbanding enam jam sebelum ini.

“ Nasihat saya kepada yang balik dari Sabah, pastikan status kita jelas sebelum bergaul dengan keluarga. Jika tidak, keluarga kita juga berisiko terkena jangkitan ini. Sebab itu apabila balik terus jalani ujian dan kuarantin.”

- Kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam



SEKURANG-KURANGNYA lima Menteri Kabinet dan seorang Timbalan Menteri serta beberapa pemimpin politik terpaksa menjalani kuarantin Covid-19 di rumah selepas pulang daripada berkempen dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang berakhir pada Sabtu lalu.

Kedua-dua itu menyebabkan mesyuarat Kabinet pada hari Rabu terpaksa dibatalkan berdasarkan maklumat yang diperolehi malam Selasa lalu.

Antaranya Menteri Kanan (Kluster Kesejahteraan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Naima Merican dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee.

Perintah kuarantin yang diwajibkan ke atas rakyat Malaysia dan warga asing yang memasuki Malaysia melibatkan semua laluan udara, laut dan darat di seluruh Malaysia termasuk sempadan Sarawak dan Sabah.

Sebanyak 89 kes positif baharu Covid-19 direkodkan semalam dengan Sabah mencatatkan jumlah tertinggi dengan 35 kes, diikuti Kedah (13), Selangor (10), Johor (8) dan Kuala Lumpur (6), menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di negara ini sebanyak 11,224 kes.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Covid-19 berpotensi merebak lebih cepat di Selangor berikutan jumlah kes baharu harian yang dicatatkan di negeri itu adalah antara 10 hingga 15 kes berbanding dua hingga tiga kes sebelum ini.

Menteri dikuarantin, mesyuarat batal

Lima menteri Kabinet dikuarantin selepas pulang berkempen dari Sabah

Oleh HAZNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Seramai lima menteri Kabinet dilaporkan sedang menjalani kuarantin Covid-19 selepas pulang berkempen pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah Sabtu lalu sebagai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Menteri yang terlibat ialah Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin; Men-



ISMAIL SABRI

HISHAMMUDDIN

HAMZAH

REEZAL MERICAN

RONALD KHANDÉE

teri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican serta Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Khandee.

Susulan itu, ia dipercayai turut menjejaskan mesyuarat Kabinet yang sepatutnya berlangsung pada setiap hari Rabu tetapi tidak dapat dilaksanakan ekoran rata-rata pemimpin perlu menjalani kuarantin, selain dipercayai sebagai langkah berjaga-jaga mengelakkan penularan wabak Covid-19.

Menerusi satu hantaran di

Facebook, Ismail Sabri memaklumkan beliau terus membuat ujian saringan sebaik pulang dari Sabah dan perlu kuarantin di rumah sehingga keputusan diperolehi.

"Ujian saringan untuk kepastian status dan jika keputusannya negatif, bebaslah daripada kuarantin.

"Walaupun sudah bebas kerana negatif namun mesti teruskan kawalan sendiri. Patuhi SOP," katanya dalam kenyataan di Facebook. Beliau semalam.

Sementara itu, Hisham-

muddin juga diarahkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menjalani kuarantin di rumah bermula 28 September lalu selepas pulang berkempen dari Sabah.

"Memandangkaif di Sabah baru-baru ini saya telah pergi ke Pitas bagi membantu kempen calon Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pitas, Sufian Abdul Karim yang disahkan positif Covid-19, saya telah diarahkan untuk menjalani kuarantin diri di rumah biarpun saringan awal yang dibuat ke atas saya sebaik tiba dari Sabah tempoh hari negatif.

"Saya tahu ada sebahagian daripada jentera BN telah disahkan positif dan berharap semua yang positif ini tabah dan segera beroleh kesembuhan.

"Biarpun semasa kempen tempoh hari setiap SOP telah dipatuhi, namun kita berdepan dengan virus yang tidak boleh dilihat, selain risiko dijangkiti tetap tinggi," tulis Hishammuddin di Facebook beliau.

Mesyuarat Kabinet tangguh timbul tanda tanya

PUTRAJAYA - Mesyuarat Kabinet yang diadakan pada setiap hari Rabu terpaksa ditangguhkan atas sebab yang tidak diketahui.

Terdapat desas-desus yang mendakwa penangguhan itu ada kaitan dengan penglibatan beberapa men-

teri Kabinet dalam siri kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang berakhir Sabtu lalu.

Menurut beberapa pegawai menteri, mesyuarat Kabinet tidak dapat diadakan atas sebab yang tidak diketahui.

"Mesyuarat Kabinet tidak

semestinya diadakan pada setiap hari Rabu dan ada masanya memang tidak dibuat atas pelbagai sebab.

"Tetapi untuk mesyuarat minggu ini memang tidak dapat dipastikan mengapa tidak dibuat," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Antara menteri dan pemimpin terlibat PRN Sabah

MENTERI

1. Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (kuarantin)
2. Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (kuarantin)
3. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin (kuarantin)
4. Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (kuarantin)
5. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Khandee (kuarantin)

MENTERI BESAR

1. Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (kuarantin)
2. Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man (kuarantin)
3. Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar (kuarantin)
4. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (kuarantin)

PEMIMPIN UMNO

1. Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi
2. Ketua Puteri UMNO, Datuk Zahida Zark Kharif (kuarantin)
3. Exco Kerajaan Pahang, Datuk Seri Mohd Sharar Shamsudin (kuarantin)
4. Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan (positif Covid-19)
5. Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Razlan Rafi (positif Covid-19)

JADUAL WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:58	7:07	1:11	4:24	7:11	8:21
ALOR SETAR	5:58	7:04	1:10	4:23	7:11	8:20
PULAU PINANG	5:58	7:05	1:10	4:23	7:11	8:20
IPOH	5:56	7:01	1:08	4:19	7:08	8:18
KOTA BHARU	5:51	6:59	1:03	4:16	7:04	8:09
KUALA TERENGGANU	5:47	6:55	1:09	4:12	7:00	8:09
KUANTAN	5:48	6:55	1:00	4:08	7:01	8:10
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	5:53	6:59	1:08	4:16	7:07	8:16
SINGAPUR	5:53	6:59	1:06	4:16	7:07	8:16
SEBEMBAH	5:51	6:59	1:04	4:13	7:06	8:14
BANGKOR MELAKA	5:51	6:58	1:03	4:12	7:05	8:14
JOHOR BAHRU	5:44	6:52	1:07	4:04	6:59	8:08

Sumber daripada portal www.e-solat.gov.my

KKM nafi layanan istimewa terhadap menteri

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menafikan dakwaan wujudnya layanan *double standard* terhadap menteri dan ahli politik dalam pemakaian gelang tangan kuarantin koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menegaskan dakwaan itu juga tidak berasas sama sekali.

"Tidak benar," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, semua individu terlibat perlu menjalani pengawasan di rumah (HSO) dan memakai gelang tangan kuarantin.

"Selagi keputusan ujian belum diperoleh, semua individu terbabit perlu jalani HSO dan memakai *wristband*," katanya.

Terdahulu, ada segelintir pihak mempersoalkan wujudnya menteri dan ahli politik yang tidak dipakaikan gelang tangan berbanding orang awam yang diwajibkan memakainya.

Pemakaian gelang tangan diwajibkan terhadap individu yang menjalani kuarantin sama ada di rumah atau di pusat kuarantin.

Ia hanya boleh ditanggalkan pada hari ke-14 oleh petugas kesihatan selepas keputusan ujian saringan kedua pada hari ke-13 didapati negatif.

Maqis seizes 28,000kg of Indian buffalo meat

BUTTERWORTH: The Malaysian Department of Quarantine and Inspection Services (Maqis) in Penang foiled an attempt to bring in 28,000kg of frozen buffalo meat worth RM261,694.50 into the country, which had failed to abide by conditions in the import permit. The 1,400 cartons of the frozen meat from India were at the North Butterworth Container Terminal container inspection site. A police report was made on Tuesday afternoon. Maqis Penang director Zarina Ramli said routine checks on the consignment showed there was no address of the slaughterhouse. "Additionally, the exporter's address was not mentioned in the halal certificate from the exporter's country. With this failure to abide by conditions in the import permit, we seized the consignment for further action."

Ikut, tarik 21 lembu seberang sungai

Tumpat: Sebanyak 21 lembu seludup dibawa secara berulang menyeberangi Sungai Golok menerusi pangkalan haram di sini, semalam.

Penyeludup mengikat badan lembu itu dengan tali pada bot sebelum menariknya berenang menyeberangi sungai berkenaan.

Bagaimanapun, semua binatang ternakan dari Thailand itu dirampas ketika diheret beberapa individu ke kawasan semak di

Kampung Simpangan di sini, pada jam 7.30 pagi.

Pegawai Pemerintah Bertalon 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7), Superintendan Azhari Nusi berkata, dalam penugasan sempena Operasi Benteng Covid-19, anggotanya menerima maklumat mengenai penyeludupan lembu.

Katanya, nilai keseluruhan lembu itu dianggarkan RM126,000 dan kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta MAQIS 2011.

1/10/2020

SINAR
HARIANNEGERI
TERENGGANU/
KELANTAN

28

Seludup lembu guna perahu

PGA rampas 21 ekor lembu baka Kedah-Kelantan bernilai RM126,000

Oleh HAZELE LIANA
KAMARUDIN

TUMPAT

Sebanyak 21 ekor lembu baka Kedah-Kelantan bernilai RM126,000 yang cuba diseludup ke negara ini menerusi pangkalan haram Tualang di Simpangan di sini berjaya dipatahkan Pasukan Gerakan Am (PGA) pagi semalam.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7 Kuantan, Superintendan Azhari-Nusi berkata, rampasan pada jam 7 pagi itu

adalah hasil maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan yang telah diterima oleh pihaknya.

"Berindak atas maklumat, sepasukan anggota PGA Batalion 7 Kuantan telah membuat pemerhatian di dalam semak berhampiran tebing sungai di pangkalan haram Tualang.

"Semasa intipan, anggota PGA berkenaan ternampak sekumpulan lelaki sedang menarik beberapa ekor lembu menyeberangi Sungai Golok dengan menggunakan perahu dari Thailand ke tebing berhampiran pangkalan haram Tualang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, sejourus melihat situasi itu, anggota PGA telah bertindak menjeraki pergerakan kumpulan



Sebahagian daripada 21 ekor lembu baka Kedah-Kelantan yang cuba diseludup ke negara ini menerusi Sungai Golok tetapi berjaya dipatahkan pasukan PGA di Simpangan, Tumpat semalam.

lembu tersebut.

Kata Azhari, semasa mengekori pergerakan lembu terbabit, kumpulan penyeludup berkenaan bertindak melarikan diri ke dalam semak sebaik sahaja menyedari kegiatan mereka diketahui oleh

anggota PGA.

"Pemeriksaan di sekitar kawasan tersebut telah menemui 21 ekor lembu yang disyaki baru diseludup masuk ke negara ini," kata beliau. Azhari berkata, siasatan awal mendapati kesemua lem-

bu tersebut diseludup dari Thailand ke Malaysia untuk pasaran di sekitar negeri Kelantan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PULAU PINANG/ PERAK/ KEDAH/PERLIS	26

200kg hasil ikan bernilai RM1 juta dirampas

BAGAN DATUK - Jabatan Perikanan Perak menahan dua bot pukat tunda tempatan dan merampas 200 kilogram (kg) pelbagai jenis ikan bernilai lebih RM1 juta di perairan Pulau Lalang di sini kelmarin.

Dalam pemeriksaan pada jam 8.40 hingga 9 pagi itu, kedua-dua bot berkenaan yang berada di kawasan perairan 0.7 dan 1.1 batu nautika dikesan menggunakan khidmat nelayan asing tanpa kebenaran.

Ketua Pangkalan Utama Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Acheh, Mansor Yobe berkata, pemeriksaan lanjut mendapati, bot berkenaan menggunakan saiz mata pukat kurang 38mm selain kod zon tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.

“Dalam pemeriksaan itu, kita telah menahan enam kru warga Myanmar masing-masing berusia antara 40 hingga 50 tahun itu untuk siasatan lanjut.

“Kedua-dua bot tempatan ini telah melakukan kesalahan melanggar syarat sah lesen iaitu tidak diusahakan sendiri oleh empunya vesel dan menggaji pekerja asing tanpa surat kebenaran,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, bot terbabit dibawa ke Jeti Perikanan Kampung Acheh, Sitiawan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

MPSJ distributes planting kits to encourage urban farming

IN AN effort to encourage urban farming, Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) held an event to educate participants from 140 community gardens.

MPSJ Corporate and Strategic Management Department deputy director Azfarizal Abdul Rasfud said in a statement that the programme aimed to encourage residents to plant crops within their residential areas.

This will indirectly help them save on grocery expenses and gen-

erate a side income.

MPSJ had organised a programme to distribute planting kits, seeds and seedlings to 140 community garden participants at Dewan Putra Heights, Subang Jaya.

Selangor socio-economic empowerment, development and caring government committee chairman V. Ganabatirau, who is also Kota Kemuning assemblyman, launched the event.

The programme is a collabora-

tion between MPSJ, the assemblyman's office, Agriculture Department and community garden participants.

MPSJ's community garden programme was launched in 2013.

There are 69 community gardens in the municipality involving 1,034 participants to date.

Various community gardens under MPSJ's administration have won awards at national and state level competitions over the years.



Ganabatirau (centre) potting a plant to mark the launch of the programme. With him are (from left) his special officer Mohd Tarmizi Lazim, Selangor Agriculture Department deputy director Anuar Tawe and MPSJ Landscape Department senior assistant director Azlina Mat Salim.

Petani rugi serangan 'rama-rama import'

Oleh ZULKIFLI HUSSIN

BACHOK: 'Rama-rama import' yang boleh terbang sehingga 100 kilometer semalaman mampu memusnahkan banyak tanaman jagung susu.

Pengarah Jabatan Pertanian Kelantan Norbahani Zakaria berkata, rama-rama itu hinggap ke atas pokok dan bertelor.

Kata beliau lavanya pula makan pokok terutamanya tanaman jangka pendek.

"Lebih membimbangkan spesies itu turut hinggap ke atas pokok padi. Sedangkan Kelantan merupakan salah sebuah negeri pengeluar padi," katanya ketika melakukan tinjauan tanaman jagung yang rosak di Kampung Sungai di sini Isnin lepas.

Beliau berkata, serangan rama-rama itu bermula dari Thailand kemudian merebak ke Perlis, Kedah, Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh dan terbaharu di Bachok.

Menurutnya juga serangan itu boleh dikawal di peringkat awal dengan semburan racun.

Bagaimanapun kata beliau sekiranya serangan berlaku keti-



Adnan Mohd Zih menunjukkan jagung rosak diserang 'Rama-rama import'.

ka tanaman mengeluarkan buah pokoknya perlu dipotong dan dibakar sebagai usaha membendung penularan virus.

Sementara itu Ketua petani tanaman jagung berkelompok di Kampung Sungai, Mohamed Noor Awang Hamat, 71 berkata, pihaknya mengalami kerugian hampir RM200,000 akibat serangan rama-rama.

Menurutnya lebih 70 peratus tanamannya musnah dimakan spesies berkenaan dalam tempoh dua minggu.

Katanya, lava rama-rama turut memakan batang pokok jagung menyebabkan daun menjadi kering dan layu.

Pengerusi Syarikat Elite Management Dato' Mohd Adnan Mohd Zin pula berkata, cadangan pihaknya membeli jagung untuk dieksport ke Singapura terpaksa dibatalkan.

"Syarikat saya menaja tanaman berkelompok tersebut. Serangan rama-rama berkenaan tidak pernah berlaku sebelum ini," ujarnya.

Dana RM3 juta bantu usahawan tani

Oleh HIDAYAH AZLIN

BESUT: Usahawan tani di Terengganu berpeluang mendapat modal bagi memperkembangkan lagi perniagaan melalui dana disediakan kerajaan negeri. Skim Bantuan Modal Tani (SBMT) masih lagi berbaki RM3 juta.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, rakyat Terengganu yang menceburi sektor pertanian boleh memohon dana tersebut.

"Untuk tahun ini masih berbaki RM3 juta. Pinjaman maksimum sebanyak RM50,000 akan diberi dalam bentuk barangan.

"Barangan yang diperlukan boleh dicari sendiri, kerajaan akan bayar terus kepada pembekal," katanya pada program Kuliah Maghrib di Masjid Al-Furqan, Kampung Pak Demak di sini baru-baru ini.

SBMT merupakan 'kail dan umpam' disediakan kepada rakyat yang terlibat dalam sektor pertanian, perikanan, penternakan dan industri asas tani.

Dr Azman berkata, dana di bawah kerajaan negeri

itu disalurkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Sehubungan itu siapa yang berminat perlu mendaftar sebagai ahli Peladang terlebih dahulu di PPK terdekat.

"Kita mahu memudahkan supaya ia tidak membebankan rakyat. Pinjaman patuh syariah tiada faedah. Bila dibayar balik kerajaan boleh agih kepada orang lain pula," ujarnya.

Menurutnya juga kaedah bayaran balik menggunakan kaedah tidak membekalkan di mana ia bergantung tempoh hasil yang dapat dituai.



Dr Azman Ibrahim menyampaikan kuliah Maghrib di Masjid Pak Demak, Jerneh.

Haramkan *glyphosate* dalam racun rumpai

Georgetown: Haramkan penggunaan *glyphosate* dan racun rumpai berasaskan bahan itu kerana memberi kesan ke atas kesihatan manusia, haiwan serta alam sekitar.

Itu gesaan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) terhadap Kementerian Pertanian & Industri Makanan (Mafi) dan Lembaga Racun Makhluk Perosak (MRLP).

Presiden CAP Mohideen Abdul Kader berkata, bahan itu juga dikategorikan sebagai karsinogen yang boleh menyebabkan barah kepada manusia serta pelbagai masalah kesihatan.

Katanya, individu yang terdedah racun rumpai itu

lebih berisiko mengalami barah *non-Hodgkin limfoma* (NHL).

Katanya, bukti itu amat membimbangkan berikutan *glyphosate* paling banyak digunakan dalam runcun rumpai.

“Dilaporkan bahawa 8.6 bilion kilogram racun rumpai berasaskan *glyphosate* sudah disembur di seluruh dunia sejak 1974.

“Penggunaannya meningkat 15 kali ganda sejak tanaman kejuruteraan genetik diperkenalkan pada 1996 apabila majoriti daripadanya adalah tanaman kejuruteraan genetik (GE) *toleran glyphosate*,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

CAP gesa haram 'glyphosate'

Bahan banyak diguna dalam racun rumput beri kesan kesihatan manusia, alam

Oleh Zuhainy Zulkiffi
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Lembaga Racun Makhluk Perosak (MRLP) mengharuskan penggunaan 'glyphosate' dan racun rumput berasaskan bahan itu kerana memberi kesan ke atas kesihatan manusia, haiwan serta alam sekitar.

Bahan itu juga dikategorikan sebagai karsinogen yang boleh menyebabkan barah kepada manusia serta pelbagai masalah kesihatan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata individu yang beresyak terdedah kepada racun



Individu terdedah kepada glyphosate dalam racun rumput berisiko menyebabkan barah. (Foto hiasan)

rumpai itu lebih berisiko menyebabkan barah yang dipanggil 'non-Hodgkin limfoma' (NHL).

Katanya, penemuan itu amat membimbangkan berikutan bahan glyphosate yang paling banyak digunakan dalam racun rumput.

"Dilaporkan kira-kira 8.6 bilion kilogram racun rumput berasaskan 'glyphosate' disembur di seluruh dunia sejak 1974. Penggu-

naarnya meningkat 15 kali ganda sejak tanaman kejuruteraan genetik diperkenalkan pada 1996 dengan majoriti daripadanya adalah tanaman kejuruteraan genetik (GE) toleran 'glyphosate'," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut Mohideen berkata, kebimbangan mengenai kesan kesihatan 'glyphosate' memuncak apabila Agensi Antara-

bangsa bagi Penyelidikan Kanser (LARC) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengkategorikan racun rumput itu sebagai kemungkinan karsinogen kepada manusia pada 2015.

Katanya, ia tambah meruncing dengan peningkatan bukti bahayanya kepada manusia dan saman undang-undang terhadap pengeluarinya (Monsanto).

Beliau berkata, individu yang terdedah kepada racun rumput berasaskan 'glyphosate' mempunyai 41 peratus peningkatan risiko mendapat non-Hodgkin limfoma (NHL).

"Walaupun tidak terdedah, sisa 'glyphosate' boleh memasuki tanaman GE menerusi rantaian makanan. Susulan itu, CAP menghantar memorandum kepada MAFI dan LRMP pada 25 September lalu bertubung gesaan berkenaan," katanya.

Sementara itu, menerusi laman sesawang Jabatan Biokeselamatan Malaysia mendedahkan daripada 40 tanaman GE diluluskan bagi makanan, makanan haiwan dan pemprosesan, sebanyak 11 daripadanya adalah toleran kepada 'glyphosate'.